

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK TAKIYUDDIN HASSAN [KOTA BHARU]

SOALAN NO. 450

DATUK TAKIYUDDIN HASSAN [KOTA BHARU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab mengapa syarat permohonan Bantuan Sara Hidup Rakyat dilihat terlalu rumit sehingga menyusahkan rakyat untuk mendapatkan bantuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bantuan Sara Hidup (BSH) merupakan salah satu bantuan bersasar bagi golongan berpendapatan rendah (B40) meringankan kos sara hidup mereka di samping membuktikan keprihatinan Kerajaan Pakatan Harapan terhadap golongan yang memerlukan dan seterusnya memberi impak yang tinggi kepada rakyat.

2. Berdasarkan keputusan pada tahun lalu, Kerajaan akan melaksanakan BSH pada tahun 2019 dengan mengutamakan keluarga dengan menyediakan kadar tambahan mengikut bilangan anak di bawah tanggungan keluarga/isi rumah masing-masing. Namun begitu, Kerajaan telah menekankan bahawa isu tekanan kos sara hidup pada tahun ini perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak bagi memenuhi keperluan rakyat dalam masa terdekat. Pembayaran BSH fasa pertama sebanyak RM300 telah dibayar pada 28 Januari 2019 kepada 4.1 juta isi rumah yang berkeluarga dan bayaran RM100 *one-off* pada hujung bulan Mac 2019 kepada 3 juta individu di bawah kategori bujang menggunakan pangkalan data BSH 2018. Bayaran ini melibatkan peruntukan hampir RM1.5 bilion.

Tuan Yang Dipertua,

3. Demi memastikan BSH 2019 berjalan dengan lancar, Kerajaan telah memudahkan lagi proses pendaftaran/pengemaskinian BSH 2019 seperti berikut:

- i. Borang permohonan BSH 2019 boleh diterima walaupun pemohon tidak mengemukakan salinan dokumen pengenalan diri yang lengkap semasa penghantaran. Borang berkenaan akan diproses berdasarkan maklumat yang dilaporkan dalam Borang BSH yang dikemukakan oleh pemohon sahaja;
- ii. Pemohon juga mempunyai pilihan untuk membuat permohonan secara dalam talian di mana muat naik dokumen bukan lagi syarat wajib; dan
- iii. Bagi pemohon BSH yang berumur 60 tahun dan ke atas (Warga Emas), pemohon tidak perlu mengemaskini maklumat kerana Kerajaan akan menggunakan data BSH 2018.

4. Dalam mengurangkan ketirisan dalam pelaksanaan BSH, maklumat permohonan yang diterima daripada pemohon akan dipadankan dengan data agensi Kerajaan bagi menentukan kelayakan setiap permohonan. Bagi tahun 2019, kerjasama strategik dengan agensi Kerajaan diteruskan dengan tambahan tiga (3) lagi agensi iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menjadikan jumlah agensi Kerajaan yang terlibat adalah enam belas (16) bagi memastikan hanya mereka yang layak sahaja menerima BSH dan menangani masalah *inclusion and exclusion error*.